

kafe ahad

Berkuatkuasa 12 Mac lalu, Felo Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford, Datuk Dr Afifi al-Akiti dilantik sebagai Pengerusi PCM Sdn Bhd.

Dr Afifi akan menerajui dan mengawal selia UniKL (Universiti Kuala Lumpur) Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) termasuk pelan pembangunannya.

Selaku individu yang diiktiraf dalam senarai tahunan 500 orang Islam yang paling berpengaruh di dunia, pasti Dr Afifi ada sesuatu yang mahu dikongsikan dengan masyarakat.

Ikuti wawancara DATUK DR AFIFI AL-AKITI bersama wartawan, MUHAMMAD SAUFI HASSAN.



ANTARA 500 ORANG ISLAM PALING BERPENGARUH DI DUNIA

STRATEGI DR AFIFI AL-AKITI

Tahniah Datuk atas pelantikan sebagai Pengerusi UniKL RCMP. Bagaimana Datuk melihat pelantikan ini?

Ini anugerah Allah SWT bagi mengeratkan hubungan institusi Diraja Perak dengan institusi pendidikan dan untuk ini, khusus bagi Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Jika ditelusuri kembali sejarah penubuhan Kolej Perubatan DiRaja Perak (RCMP) ini, taraf diraja berkenaan dikurniakan Sultan Perak ke-34 iaitu Almarhum Sultan Azlan Shah pada 2004 sebelum Majlis Amanah Rakyat (Mara) membeli pegangan saham majoriti institusi ini pada 2006.

Sudah pasti, pelantikan ini memberi makna besar buat fakir ini selaku Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Perak dan saya yakin ini hikmah takdir ilahi.

Insya-Allah, saya yakin pelantikan ini dapat menyelesaikan beberapa isu tertunggak antara hubungan bilateral kepentingan kerajaan negeri Perak dengan institusi federal UniKL secara khusus.

Perancangan Datuk untuk UniKL Royal College of Medicine Perak?

Visi saya, Insya-Allah mahu meletakkan kedudukan kolej diraja ini sebagai yang tersohor bukan saja di negara, malah di pentas antarabangsa.

Saya juga mahu mengembalikan semangat yang ada di Jata Negara iaitu Bersekutu Bertambah Mutu supaya roh sebenar Persekutuan sememangnya dihayati dan diamalkan di antara hubungan RCMP dan UniKL secara menyeluruh.

Insya-Allah, dengan pengalaman saya yang masih berada di perantaraan lebih 20 tahun dan mengajar di pentas



Kita boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan mana-mana bangsa yang berjaya asalkan kita berusaha"

Dr Afifi

dunia Oxford (Universiti Oxford), saya akan memanfaatkan sepenuhnya untuk bawa pelaburan luar (FDI) bagi membangunkan institusi diraja ini, sekali gus dapat menampung kapasiti penuntut lebih besar.

Pihak pengurusan ada rancangan jangka masa panjang untuk menubuhkan *off-shore campuses* dan usaha ke arah itu akan terus dilaksanakan sejajar dengan visi menjadikan RCMP sebagai kolej perubatan diraja yang berprestij di rantau ini.

Dilantik sebagai anak Melayu pertama sebagai tenaga pengajar di Universiti Oxford ketika berusia 32 tahun bukan satu perkara kecil. Ia bermaksud, orang Melayu mampu menggapai impian tinggi. Bagaimana Datuk melihat pencapaian ini untuk Datuk serta orang Melayu sendiri?

Berhentikan menyatakan orang Melayu malas, walaupun jika ada reputasi pada zaman kolonial seperti pandangan penjajah terhadap orang Melayu dengan menyatakan kita malas dan sebagainya.

Ramai orang Melayu berjaya di peringkat antarabangsa, malah ramai dalam kalangan bangsa ini disegani di pentas dunia.

Kita perlu hentikan *stereotyping* yang banyaknya bertitik tolak daripada persepsi orang yang menajjah kita dulu, walaupun jika ada atau memang berlaku begitu namun itu

reputasi dulu.

Apa yang saya capai ini, menerusi kaca mata saya sendiri, anugerah Allah SWT hasil kerja keras, berusaha, kompeten, bertawakal dan jaga integriti.

Orang Melayu tidak kurang dengan bangsa lain, malah kita boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan mana-mana bangsa yang berjaya asalkan kita berusaha.

Saya juga melihat apa yang saya capai hari ini kerana saya cintakan ilmu, jadi berada di Universiti Oxford ini adalah peluang memandangkan di pentas dunia ini, ada ramai ilmuwan utama dunia serta menjadi tumpuan sarjana ilmu.

Sebagai orang Islam, kita sememangnya perlu mencari ilmu dan tidak hanya ilmu agama saja, sebaliknya semua ilmu dan termasuklah ilmu duniawi untuk manfaat ummah.

Jika kita lihat cara serta pegangan Hujjatul Islam, Imam Ghazali RH juga begitu, beliau sangat cintakan ilmu walaupun mungkin ilmu itu datang dari luar tamadun Islam seperti ilmu sains dan falsafah tamadun Yunani, tetapi beliau tetap mendalaminya.

Bidang kepakaran Datuk ialah akidah, syariah dan ilmu sains tamadun Islam. Bagaimana Datuk melihat bidang kepakaran Datuk boleh diimplementasikan ke dalam tugas Datuk di UniKL RCMP?

Secara asasnya, tiada bentuk halangan untuk seseorang itu menguasai bidang lainnya kerana jika kita lihat semula, kebanyakan saintis Islam ketika zaman kegemilangan mereka seorang ulama, hafiz al-Quran namun menguasai ilmu sains dengan baik.

Untuk konteks ini, saya lihat pelantikan saya adalah simbolik kepada agenda integrasi ilmu yang perlu dibawa dalam masyarakat Islam hari ini.

Kita pada hari ini sering terikat dengan pandangan sempit bahawa seseorang ilmuwan dalam disiplin ilmu A tidak boleh merentasi ilmu B sedangkan ulama Islam dahulu, ilmunya begitu syumul yang merangkumi semua.

Contoh Imam Ibnu Nafis (bermazhab Syafi'i), Ibnu Rusyd (bermazhab Maliki) dan ramai lagi ulama Islam ketika era kegemilangan tamadun Islam itu sendiri.

Keilmuan mereka merentasi sempadan disiplin ilmu agama dan agenda ini yang ingin kita bawa kepada masyarakat Islam pada hari ini.

Umat Islam dulu begitu padu dan kukuh kerana cabang ilmuwan mereka merentasi disiplin ilmu asal mereka.

Apa yang saya katakan ini bukanlah untuk seseorang itu menguasai sepenuhnya ilmu agama dan sains contohnya, tetapi cukup untuk kita sedar tentang cabang ilmu lain.

Contoh, jika seseorang mufti itu ilmunya tidak hanya terhad dengan ilmu Aqidah, Syariah atau ilmu agama yang lain, malah merentasi ilmu ekonomi dan sains, dengan membaca melangkaui kepakaran asalnya (*read around his or her subject*) pasti fatwa dikeluarkan lebih tuntas dan kukuh.

Pemecahan disiplin ilmu (*fragmentation of knowledge*) ini akibat kaedah orientalis barat sedangkan kekuatan umat Islam dahulu adalah menguasai rentas disiplin ilmu agama dan duniawi.

Apakah seseorang pakar agama itu tidak boleh membaca The Economist, membaca jurnal sains dan perubatan atau sebagainya, walaupun tidak pakar dalam sesuatu ilmu yang bukan cabangnya, tetapi cukup untuk mereka tahu dan mengambil maklum tentang cabang disiplin ilmu lain?

Bagaimana Datuk melihat kesatuan umat Islam di Malaysia?

Kita kena 'bersawo matang'. Maknanya, umat Islam kena belajar menjadi matang iaitu bersetuju untuk tidak bersetuju terutamanya dalam budaya politik kepertanian kita.

Seharusnya, adab ikhtilaf dengan menerima perbezaan pendapat berbagai mazhab Islam kita praktikkan sama ada dengan berlapang dada atau bertolak ansur supaya suatu keputusan atau polisi itu dapat dibentuk.

Contoh, mengambil konteks senario landskap politik di negara kini, mungkin ijthad Barisan Nasional (BN) betul dalam perkara A.

Tetapi ini tidak menolak kemungkinan polisi Pakatan Harapan (PH) juga betul dalam perkara B dan ijthad Perikatan Nasional (PN) mungkin betul untuk perkara C.

Sebab niat ijthad dan keputusan semua parti politik di sini ialah berkenaan sesuatu yang subjektif dalam menerokai kemashlahatan masyarakat kita.

Walaupun kita berbeza pandangan dan ijthad politik, seharusnya ia hanya pada peringkat perbezaan masalah khilafiah dan ijthadiyah yang boleh ditolak ansur dan tidak sepatutnya membawa kepada perpecahan.

Kita masih boleh bermatang solat bersama-sama, pergi kenduri bersama-sama dan melakukan kebijakan bersama-sama supaya umat Islam membangun menuju kepada penyatuan dan bukannya mencari titik berbalahan yang hanya akan merugikan diri kita sendiri.

Perkara pokoknya asalkan polisi parti berkenaan tidak melanggar usul agama ditetapkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah, ia tiada masalah.